

BAB LIMA

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Kesimpulan hasil kajian dikemukakan dalam bab ini, di mana dapatan penting mengenai *Denglisch* dirumuskan. Selain menggariskan hasil kajian yang diusahakan, cadangan bagi kajian seterusnya turut dibincangkan dalam bab ini.

5.1 Rumusan Hasil Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada empat objektif yang digariskan. Dapatan kajian bagi setiap objektif disimpulkan dan dipaparkan di bahagian ini.


5.1.1 Objektif Pertama

Objektif pertama kajian ini adalah mengenal pasti leksis *Denglisch* dalam media elektronik di negara Jerman. Setelah pengumpulan data daripada surat khabar elektronik, iaitu tabloid *Bild-Zeitung* selama tiga bulan, daripada bulan Januari hingga ke bulan Mac 2007, sekumpulan leksis-leksis *Denglisch* dapat dikenal pasti dan disenaraikan mengikut kategori leksis seperti dalam Appendix I (leksis *Denglisch* kata nama), Appendix II (leksis *Denglisch* kata kerja) dan Appendix III (leksis *Denglisch* kata adjektif). Secara keseluruhannya sebanyak 496 leksis *Denglisch* dapat dijumpai. Sebelum leksis-leksis *Denglisch* ini disenaraikan beberapa langkah yang penting dijalankan untuk memastikan kesahan data yang digunakan untuk tujuan analisis. Leksis-leksis *Denglisch* ini diperiksa dan disiasat akan asal usulnya dengan menggunakan kamus *Das Fremdwörterbuch* yang diterbitkan oleh penerbit *Duden* (2001). Kamus ekabahasa *Langenscheidts*, 2001 (Bahasa Jerman-Bahasa Jerman), kamus dwibahasa *Langenscheidts*, 1997 (Bahasa Jerman-Bahasa Inggeris; Bahasa

Inggeris-Bahasa Jerman) yang diterbitkan oleh penerbit *Langenscheidts* digunakan untuk menyelesaikan masalah kesangsian atau ketidak - pastian terhadap makna sesuatu leksis. Kamus dwibahasa (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dan terbitan Fajar Bakti digunakan semasa menterjemahkan leksis daripada bahasa sumber (source language), iaitu Bahasa Jerman atau Bahasa Inggeris ke bahasa sasaran (target language), iaitu Bahasa Melayu. Selain kamus-kamus daripada media cetak, kamus-kamus elektronik turut merupakan sumber bagi menyelesaikan kesangsian yang timbul semasa menjalankan kajian ini. Kamus-kamus elektronik ini adalah <http://dict.leo.org/>, http://pgoh13.free.fr/english_malay_dictionary.php dan <http://dictionary.reference.com/>. Langkah ini adalah untuk memastikan leksis-leksis yang dijadikan data dalam kajian ini merupakan leksis-leksis *Denglisch* 100 % dan bukannya leksis-leksis pinjaman yang akan menjejaskan ketepatan dan kesahihan kajian ini.


Daripada 496 leksis *Denglisch*, didapati 69.4 % leksis *Denglisch* berasal secara langsung daripada Bahasa Inggeris dan 30.6 % merupakan leksis *Denglisch* yang bukan berasal secara langsung daripada Bahasa Inggeris seperti yang digambarkan dalam carta pai 5.1 Asal Usul Leksis *Denglisch*:

Carta pai 5.1 Asal Usul Leksis *Denglisch*



Semasa penyelidikan berkenaan asal usul leksis *Denglisch* dijalankan, didapati bahawa leksis-leksis Bahasa Inggeris yang dijadikan leksis *Denglisch* ini dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu leksis Bahasa Inggeris Amerika Syarikat dan leksis Bahasa Inggeris British. Kajian memunjukkan bahawa leksis *Denglisch* lebih banyak dibentuk dengan leksis Bahasa Inggeris British daripada leksis Bahasa Inggeris Amerika Syarikat. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam carta pai 5.2 Leksis *Denglisch* daripada leksis Bahasa Inggeris:


Carta pai 5.2 Leksis *Denglisch* daripada Leksis Bahasa Inggeris



5.1.2 Objektif Kedua

Objektif kedua kajian adalah berkenaan dengan pengkategorian leksis *Denglisch* di tabloid *Bild Zeitung* yang mempunyai pembaca yang paling ramai di Eropah. Daripada senarai leksis-leksis *Denglisch* yang dapat dikumpul dan disenaraikan, didapati 496 leksis-leksis *Denglisch* ini dapat diklasifikasikan kepada 3 kategori, iaitu kategori kata nama, kategori kata kerja dan kategori kata adjektif. Kebanyakan leksis *Denglisch* yang dapat dikumpulkan merupakan kata nama, iaitu 90.5 %, manakala leksis *Denglisch* kata kerja hanya 8 % dan akhir sekali 1.5 % untuk leksis kata adjektif. Ini digambarkan dengan jelas dalam carta pai 5.3 Kategori Leksis *Denglisch*:

Carta pai 5.3 Kategori Leksis *Denglisch*




Angka-angka ini membuktikan bahawa leksis *Denglisch* ini memang wujud dan mula meresapi media Bahasa Jerman dan disebar dengan luas. Daripada kajian ini andaian orang ramai bahawa *Denglisch* hanya memberi kesan kepada bahasa lisan dan keadaan masih dapat dikawal adalah salah (Qunion, M. 2001). Tanpa disedari para pengguna bahasa menyumbangkan kepada kewujudan *Denglisch* dan menjadikannya semakin kukuh dengan menggunakan *Denglisch* dalam kehidupan harian. Kini *Denglisch* bukan sahaja digunakan dalam pertuturan malah *Denglisch* dapat dikesan dalam media elektronik. Menerusi kajian ini andaian orang ramai terhadap sesuatu leksis dapat diperbetulkan. Ini adalah kerana sesetengah leksis yang biasa digunakan dianggap sebagai leksis Bahasa Inggeris dan berasal daripada Bahasa Inggeris. Akan tetapi ia bukan benar. Leksi-leksis yang biasa digunakan bukan sahaja berasal daripada bahasa Inggeris, malah daripada bahasa-bahasa Eropah yang lain seperti Bahasa Perancis, Bahasa Belanda, Bahasa Latin, Bahasa Sepanyol dan lain-lain lagi. Dengan menjalankan kajian ini pengkaji mendapat manfaat untuk mengenali leksis-leksis ini sekali lagi dan dengan lebih dekat lagi. Maka ini dapat menjawab persoalan atau kesangsian yang wujud selama ini.

5.1.3 Objektif Ketiga

Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji sama ada terdapat leksis *Denglisch* yang mengalami perubahan kategori leksis. Leksis Bahasa Inggeris diambil, dipinjam dan disesuaikan untuk membentuk leksis *Denglisch* yang penggunaannya semakin meluas. Walaupun penggunaan leksis-leksis *Denglisch* semakin hari semakin kukuh, ada pihak yang menerima kehadiran leksis *Denglisch* dengan hati yang terbuka. Akan tetapi ada pihak yang tidak dapat menerima kehadiran *Denglisch* ini dalam kehidupan mereka. Golongan pengguna bahasa yang tidak dapat menerima fenomena *Denglisch* ini menolak dan cuba membangkang penggunaan leksis-leksis *Denglisch* dalam bahasa mereka. Golongan ini berpendapat kehadiran *Denglisch* ini hanya memcemarkan bahasa mereka dan mengancam ketulenan bahasa mereka yang diusahakan sejak zaman Nazi lagi (Dieter, H. und Schrammen, G. 2005). Walau bagaimanapun sebagai insan yang menggunakan bahasa, kita tidak dapat mengabaikan dan melarikan diri daripada hakikat bahawa *Denglisch* ini sedang membiak dan meresapi setiap sudut kehidupan harian tanpa kesedaran pengguna bahasa. Data yang dianalisis dalam kajian ini membuktikan bahawa terdapat perubahan kategori leksis apabila leksis-leksis Bahasa Inggeris diambil dan dijadikan leksis *Denglisch* dengan menggunakan kaedah-kaedah pembentukan leksis yang tertentu. Daripada kajian ini didapati 68 leksis daripada data leksis dalam kajian ini mengalami perubahan kategori. Hasil dapatan kajian menunjukkan sebanyak 93 % perubahan dalam kategori kata nama, 3 % kategori kata kerja dan 4 % kategori kata adjektif. Gambaran yang lebih jelas dapat diperhatikan dalam carta pai 5.4 yang berjudul Perubahan Kategori Leksis:

Carta pai 5.4 Perubahan Kategori Leksis



Dalam kategori kata nama, lexis-lexis asal bahasa Inggris yang berasal daripada kategori kata adjektif dan kata kerja ditukar menjadi kata nama dalam *Denglisch*. Sebanyak 59 kata adjektif lexis Bahasa Inggris berubah menjadi kata nama lexis *Denglisch*, misalnya kata adjektif lexis Bahasa Inggris *mini* telah berubah menjadi kata nama apabila pembentuk lexis *Denglisch* mengambil tempat, iaitu *Mini-Film*. *Mini-Film* bermaksud filem yang mini dan lexis *Mini-Film* kini merupakan kata nama lexis *Denglisch*. Daripada contoh tadi jelas menunjukkan perubahan kategori lexis berlaku, iaitu daripada kategori kata adjektif kepada kategori kata nama. Selain perubahan kategori daripada kata adjektif kepada kata nama, perubahan kata kerja kepada kata nama turut berlaku. Hanya empat kata kerja lexis Bahasa Inggris yang mengalami perubahan menjadi kata nama lexis *Denglisch* dapat dikenal pasti. Misalnya lexis *Boxen* merupakan kata nama dalam lexis *Denglisch* dan lexis ini berasal daripada Bahasa Inggris. Akan tetapi lexis *Denglisch* *Boxen* ini tidak sama dengan kata nama lexis Bahasa Inggris. Sebenarnya lexis ini berasal daripada kata kerja lexis Bahasa Inggris *to box* dan lexis ini dipinjam ke dalam Bahasa Jerman sebagai kata kerja iaitu *boxen*. Dan dalam Bahasa Jerman kata kerja

dapat dijadikan sebagai kata nama untuk menampung kekurangan lexis dalam Bahasa Jerman. Dengan itu, huruf pertama kata kerja akan ditulis dalam huruf besar iaitu ***Boxen*** dan mengambil kata sandang bekecuali, iaitu ***das***. Di samping kategori kata nama, perubahan turut berlaku ke atas kategori kata kerja. Akan tetapi perubahan bagi kategori kata kerja hanya mencatat 3 % sahaja, di mana pengkaji hanya berjaya memperolehi 2 kata nama lexis Bahasa Inggeris yang berubah menjadi kata kerja lexis *Denglisch*. Sebagai contoh, kata kerja lexis *Denglisch pokern* yang berdefinisi bermain poker berasal daripada kata nama lexis Bahasa Inggeris ***poker***. Lexis ini tidak mempunyai lexis kata kerja dalam Bahasa Inggeris. Justeru itu dapat dikatakan bahawa terdapat perubahan kategori, iaitu daripada kategori kata nama kepada kategori kata kerja. Selain itu, kategori kata adjektif turut menyumbang 4 % kepada perubahan kategori lexis. Perubahan ini berlaku ke atas kata kerja lexis Bahasa Inggeris. Setelah lexis Bahasa Inggeris ini dijadikan lexis *Denglisch*, lexis tersebut berubah menjadi kata adjektif. Misalnya kata adkejtif lexis *Denglisch unaustrainiert* yang mendukung makna tidak melatih. Lexis ini dibentuk daripada kata kerja yang mendasarinya iaitu, ***austrainieren*** (melatih) dan awalan ***un-*** menjadikannya mendukung maksud negatif. Dengan itu ***unaustrainieren*** bermakna tidak melatih. Bentuk ***austrainiert*** pula merupakan bentuk partizip II, iaitu kala lepas *perfekt* Bahasa Jerman. Menurut hukum tatabahasa Bahasa Jerman, kata adjektif dapat dibentuk dengan menggunakan bentuk kata kerja kala lepas *perfekt* seperti lexis *Denglisch unaustrainiert* ini. Lexis ***austrainieren*** berasal daripada kata kerja lexis Bahasa Inggeris ***to train*** manakala lexis *Denglisch unaustrainiert* merupakan kata adjektif. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa terdapat perubahan kategori bagi lexis *Denglisch unaustrainiert* ini, iaitu daripada kategori kata kerja kepada kategori kata adjektif. Dalam perubahan kategori lexis yang berlaku, ciri-ciri lexis Bahasa

Inggeris mula pudar dan tidak menonjol dalam leksis *Denglisch*. Ciri-ciri Bahasa Jerman mendominasi leksis-leksis *Denglisch* dan mengermanisasikan leksis-leksis Bahasa Inggeris yang diambil dan dijadikan leksis *Denglisch*. Kesimpulannya perubahan kategori mengambil tempat apabila leksis *Denglisch* dibentuk dan digunakan untuk menampung kekurangan leksis bagi merujuk kepada idea-idea baru serta menunjukkan unsur *in* dalam penggunaan bahasa supaya tidak disingkirkan oleh komuniti dan tidak ketinggalan zaman.

5.1.4 Objektif Keempat


Objektif keempat kajian ini adalah untuk mengkaji pembentukan leksis-leksis *Denglisch*. Adakah pembentuk leksis-leksis *Denglisch* ini sama seperti leksis-leksis Bahasa Inggeris? Atau terdapat kaedah pembentuk yang baru apabila membentuk leksis-leksis *Denglisch* ini? Setelah menganalisis data, agak kecewa juga diketahui daripada hasil dapatan kajian, di mana tidak ada kaedah pembentukan yang baru dapat dicungkil. Leksis-leksis *Denglisch* kategori kata nama dibentuk dengan:

- i. Pembentukan kata nama leksis *Denglisch* yang terdiri daripada leksis Bahasa Inggeris sahaja, di mana;
 - (a) leksis bahasa Inggeris diambil secara bulat-bulat.

Ini bermakna tiada sebarang perubahan dalam sistem penulisan antara leksis Bahasa Inggeris dan leksis *Denglisch*. Akan tetapi leksis bahasa Inggeris digermanisasikan dalam perjalanan pembentuk leksis *Denglisch*. Huruf pertama leksis Bahasa Inggeris ditulis dalam huruf besar setelah leksis Bahasa Inggeris dijadikan leksis *Denglisch*. Misalnya leksis Bahasa Inggeris baby. Apabila diambil dan dijadikan leksis *Denglisch*, huruf pertamanya, iaitu b ditulis huruf besar dalam

Baby. Selain itu, setiap kata nama leksis Bahasa Inggeris diberi kata sandang, sama ada kata sandang maskulin *der*, kata sandang feminin *die* atau kata sandang berkecuali *das*, apabila dijadikan leksis *Denglisch*. Contohnya bagi leksis Bahasa Inggeris *baby*. Setelah dijadikan leksis *Denglisch*, leksis ini dianugerahkan kata sandang berkecuali *das* – *das Baby*. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa 57 % daripada leksis *Denglisch* dalam kajian ini merupakan leksis maskulin; 18 % merupakan leksis feminin; 21 % merupakan leksis berkecuali dan 4 % pula merupakan leksis *denglisch* yang boleh dikategorikan sebagai leksis maskulin atau leksis berkecuali. Dapatan ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam carta pai 5.5 Klasifikasi leksis *Denglisch*:


Carta pai 5.5 Klasifikasi Leksis *Denglisch*



(b) dua atau lebih leksis Bahasa Inggris digabungkan

Selain pembentukan leksis *Denglisch* dengan hanya mengambil secara bulat-bulat satu leksis Bahasa Inggris, leksis *Denglisch* turut dibentuk dengan dua atau lebih leksis Bahasa Inggris. Terdapat 70 % daripada leksis *Denglisch* dibentuk dengan dua kata nama leksis Bahasa Inggris dan 30 % dibentuk dengan satu kata nama dan satu kata kerja leksis Bahasa Inggris. Selain itu, didapati 55 % daripada leksis *Denglisch* dibentuk dengan tiga kata nama leksis Bahasa Inggris, 27 % dibentuk dengan satu kata kerja dan dua kata nama leksis Bahasa Inggris dan hanya 18 % yang dibentuk oleh satu kata kerja, satu kata nama atau kata adjketif dan satu kata nama Bahasa Inggris. Secara kesimpulannya, hanya terdapat 10 % perbezaan antara leksis *Denglisch* yang dibentuk dengan satu leksis Bahasa Inggris dan yang dibentuk dengan lebih daripada satu leksis Bahasa Inggris. Keputusan ini dapat diketahui menerusi carta pai 5.6 Pembentukan leksis *Denglisch* dengan bahasa Inggris:

Carta pai 5.6 Pembentukan Leksis Denglisch Dengan Bahasa Inggris



ii. Pembentukan kata nama leksis *Denglisch* yang terdiri daripada leksis Bahasa Inggeris dan leksis Bahasa Jerman, di mana:

(a) *Denglisch* yang ditulis sebagai satu perkataan yang dibentuk dengan

-dua kata nama

76 % daripada leksis *Denglisch* dibentuk dengan sama ada satu kata nama Inggeris dan satu kata nama Jerman atau satu kata nama Jerman dengan satu kata nama Inggeris.

-satu kata nama dan satu kata adjektif

20 % daripada leksis *Denglisch* dibentuk dengan sama ada satu kata adjektif Bahasa Jerman dengan satu kata nama Bahasa Inggeris atau satu kata adjektif Bahasa Inggeris dengan satu kata nama Bahasa Jerman.

-satu kata nama dan satu suffix

4 % daripada leksis *Denglisch* dibentuk dengan satu kata nama Bahasa Inggeris dan satu *suffix* Bahasa Jerman.

(b) *Denglisch* yang ditulis dengan dua atau lebih perkataan dibentuk dengan:

- dua atau tiga kata nama

68 % daripada leksis *Denglisch* dibentuk dengan sama ada dua kata nama Bahasa Inggeris dan satu kata nama Bahasa Jerman atau dua kata nama Bahasa Jerman dan satu kata nama Bahasa Inggeris.

- satu kata adjektif dan satu kata nama


31 % daripada leksis *Denglisch* dibentuk dengan sama ada satu kata adjektif Bahasa Inggeris dan satu kata nama Bahasa Jerman atau satu kata adjektif Bahasa Jerman dengan satu kata nama Bahasa Inggeris.

- satu *prefix* dan satu kata nama

1 % daripada leksis *Denglisch* dibentuk dengan satu *prefix* Bahasa Jerman dan satu kata nama Bahasa Inggeris.

Satu lagi aspek yang penting yang diperolehi daripada dapatan kajian, di mana dalam pembentukan leksis *Denglisch*, data 74 % menunjukkan bahawa Bahasa Jerman adalah lebih berdominasi dan terserlah dalam leksis *Denglisch*. Keputusan ini dipaparkan dalam carta pai 5.7 Bahasa yang mendominasi *Denglisch*:

Carta pai 5.7 Bahasa Yang Mendominasi *Denglisch*




Leksis-leksis *Denglisch* kategori kata kerja dibentuk dengan dua cara:

- penambahan imbuhan akhiran *-en/ -n*, misalnya *grillen*, *canceln*, *boxen* dan sebagainya.
- penambahan imbuhan akhiran *-ieren*, misalnya *fotografieren*, *importieren*, *animieren* dan sebagainya.

Imbuhan akhiran *-en/-n* dan *-ieren* ditambahkan kepada kata kerja leksis Bahasa Inggeris untuk membentuk kata kerja leksis *Denglisch*. Daripada kajian yang

dilaksanakan, didapati sebanyak 69 % daripada kata kerja leksis *Denglisch* dibentuk dengan menambahkan imbuhan akhiran *-en/ -n* dan 31 % membentuk kata kerja leksis *Denglisch* dengan menggunakan imbuhan akhiran *-ieren*. Gambaran yang lebih jelas dapat dipersembahkan dalam carta pai 5.8 Pembentukan kata kerja leksis *Denglisch*:

Carta pai 5.8 Pembentukan Kata Kerja Leksis *Denglisch*




Leksis-leksis *Denglisch* kategori kata adjektif dibentuk dengan 3 cara:

- i. cara pertama-mengambil kata adjektif Bahasa Inggeris secara bulat-bulat dan mengermanisasikan untuk menjadikanya kata sendi *Denglisch*. Misalnya *sexy*, *happy* dan *glamourös*.
- ii. cara kedua-mengambil bentuk kala lepas kata kerja *Denglisch*. Misalnya *meistfotografiert* dan *unaustraniert*.
- iii. cara ketiga-mengambil bentuk kala lepas kata kerja Inggeris. Misalnya *relaxed* dan *boomed*.


Menurut hasil dapatan kajian, cara pertama merupakan cara pembentukan kata adjektif leksis *Denglisch* yang paling banyak digunakan dan gambaran yang lebih jelas dapat ditunjukkan dalam carta pai 5.9 Pembentukan kata adjektif leksis *Denglisch*:

Carta pai 5.9 Pembentukan Kata Adjektif Leksis *Denglisch*



Daripada kajian yang dijalankan, kaedah pembentukan leksis *Denglisch* dapat diperhatikan dan dapat disimpulkan bahawa kaedah yang paling kerap digunakan dalam pembentukan leksis *Denglisch* ialah kaedah pemajmukan dan kaedah terbitan. Akan tetapi kaedah pemajmukan merupakan kaedah yang lebih popular jika dibanding dengan kaedah terbitan. Ini dapat ditunjukkan dalam carta pai 5.10 Kaedah pembentukan leksis *Denglisch*:

Carta pai 5.10 Kaedah Pembentukan Leksis *Denglisch*



5.2 Cadangan

Kajian yang dijalankan ini hanya sah dan dapat mencerminkan sebahagian kecil daripada keadaan sebenar. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan masa dan perbelanjaan untuk melaksanakan kajian secara menyeluruh. Di samping itu, faktor batasan-batasan dan skop kajian ini turut menghadkan kajian ini daripada memberi satu gambaran yang kukuh dan luas. Maka adalah tidak wajar bagi pengkaji merujuk fenomena *Denglisch* ini secara menyeluruh dan umum. Hasil dapatan daripada kajian ini hanya sah untuk satu skop yang kecil sahaja. Justeru itu, kajian yang menyeluruh dan meliputi skop yang lebih luas boleh dilakukan untuk memperolehi gambaran keseluruhan dan jelas dapat dilaksanakan untuk melihat keadaan sebenar fenomena *Denglisch* ini. Dengan itu adalah diharapkan bahawa kajian seperti ini boleh dipertimbangkan oleh pengkaji-pengkaji lain yang berminat bagi menjawab persoalan yang wujud serta untuk memperolehi pengetahuan yang lebih dalam dan luas. Semoga terdapat kajian yang lebih terperinci dan menyeluruh

dapat dijalankan oleh mereka yang berminat. Mungkin pengkaji-pengkaji boleh mengambil kira dan meninjau kajian mereka dari segi :

- i. tempoh pengutipan data, di mana pengaji boleh mengumpulkan data bagi satu tempoh yang lebih panjang misalnya enam bulan atau satu tahun atau lima tahun untuk melihat perubahan kategori lexis-leksis dan pembentukan lexis-leksis *Denglisch* supaya satu trend perubahan dan pembentukan lexis-leksis yang stabil dapat diperolehi.
- ii. jenis surat khabar yang berlainan. Negara Jerman mempunyai jenis surat khabar dan genre surat khabar yang berlainan. Mungkin pengkaji boleh memilih jenis atau genre surat khabar yang lain untuk membuat kajian. Selain itu, perbandingan antara jenis dan genre surat khabar yang berlainan merupakan idea yang agak menarik bagi meneruskan kajian supaya gambaran yang lebih luas dan terperinci dapat diperolehi.
- iii. tahap frasa atau tahap ayat. Kajian ini hanya menumpukan perhatian kepada tahap lexis sahaja. Oleh itu, pengkaji boleh mengkaji tahap frasa dan ayat untuk menunjukkan kepada orang ramai fenomena *Denglisch* ini dalam kehidupan harian mereka secara menyeluruh.
- iv. di negara-negara lain. Kajian ini mungkin boleh dijalankan di negara-negara yang menuturkan Bahasa Jerman untuk meninjau sejauh manakah fenomena *Denglisch* ini memberi kesan terhadap Bahasa Jerman yang mereka tuturkan. Selain itu, kajian yang membandingkan dua negara yang menuturkan bahasa Jerman atau sebuah negara yang menuturkan Bahasa Jerman dan negara Jerman sendiri untuk melihat perkembangan *Denglisch* dan isu-isu mengenai *Denglisch* ini secara terperinci.

v. bahan-bahan penulisan lain seperti majalah, novel, jurnal dan sebagainya.

Ini adalah untuk memperoleh sebuah gambaran yang lebih menyeluruh tentang fenomena *Denglisch* ini di negara Jerman.

Akhir sekali adalah diharapkan para pembaca disertasi ini dapat sedikit sebanyak manfaat setelah membaca disertasi yang dijalankan oleh saya ini.

5.3 Kesimpulan

Dalam Bab Lima ini, dapatan kajian dihuraikan dalam perkataan dan digambarkan dengan menggunakan carta pai untuk memudahkan pemahaman para pembaca kajian ini.